



IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN AKADEMIK

Universiti Malaysia Sabah (UMS) merupakan sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej 1971, dengan ini mempelawa seluruh warganegara Malaysia yang berkelayakan dalam bidang-bidang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan akademik secara Tetap/Kontrak di FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN (FSSK) seperti berikut:

GEOGRAFI

- **GEOGRAFI PENGANGKUTAN**

HUBUNGAN INDUSTRI

- **KAJIAN PERBANDINGAN HUBUNGAN INDUSTRI**
- **UNDANG-UNDANG PEKERJAAN**

SOSIOLOGI DAN ANTROPOLOGI SOSIAL

- **SOSIOLOGI JENAYAH / CRIMINOLOGY**
- **GERENTOLOGI / GERENTOLOGY**
- **SOSIOLOGI PELANCONGAN/SOCIOLOGY OF TOURISM**

**JAWATAN : PENSYARAH UNIVERSITI
GRED: DS51/DS53/KHAS C**

- Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Pendidikan**
- Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional**



SYARAT UMUM

- Berusia sekurang-kurangnya 18 tahun bagi calon warganegara pada tarikh tutup iklan;
- Mempunyai latar belakang pencapaian akademik yang baik, iaitu calon dengan Ijazah Sarjana Muda hendaklah mencapai purata nilai gred kumulatif sekurang-kurangnya 3.0, atau yang setaraf dengannya;
- Bidang pengkhususan kelayakan adalah relevan dan bersesuaian dengan keperluan dan penempatan bidang yang diperlukan (contoh: calon dengan kelayakan Ijazah Sarjana hendaklah memiliki bidang kelayakan Ijazah Sarjana Muda yang relevan dan berkaitan dengan kelayakan Sarjana tersebut);
- Calon warganegara bagi tujuan pelantikan tetap hendaklah memperolehi kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus ujian lisan pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya);
- Mempunyai kelayakan atau kebolehan pertuturan dan penulisan dalam Bahasa Inggeris yang baik (contoh: calon warganegara memperolehi kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan, keputusan Malaysian University English Test (MUET) sekurang-kurangnya Band 3;
- Adaptasi Teknologi – Berkebolehan dan berkeinginan untuk meneroka kemungkinan, peluang dan cabaran dalam bidang pengurusan dan pentadbiran serta membawa UMS ke arah kejayaan pada zaman digital; dan
- Komunikasi – Memiliki kemahiran komunikasi dan interpersonal yang mantap.

SYARAT LANTIKAN

KELAYAKAN LANTIKAN KE PENSYARAH KANAN GRED DS51:

Kelayakan Masuk	:	Ijazah Doktor Falsafah (PhD)
Bidang/Kelayakan Khusus	:	i. Memiliki Ijazah Sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan dari institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; ii. Mempunyai reputasi yang baik dalam penyelidikan dan penerbitan; iii. Membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya; dan iv. Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan.
Jadual Gaji	:	(Min) RM5,855.00 – (Maks) RM12,445.00



SYARAT LANTIKAN

KELAYAKAN LANTIKAN KE PROFESOR MADYA GRED DS53:

Kelayakan Masuk	:	Ijazah Doktor Falsafah (PhD)
Bidang/Kelayakan Khusus Jadual Gaji	:	Memenuhi syarat lantikan Gred DS51 dan; i. Mempunyai reputasi yang baik dalam penyelidikan dan penerbitan; ii. Membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya; dan iii. Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang- bidang berkenaan.
Jadual Gaji	:	(Min) RM6,162.00 - (Maks) RM13,235.00

KELAYAKAN LANTIKAN KE PROFESOR GRED KHAS C:

Kelayakan Masuk	:	Ijazah Doktor Falsafah (PhD)
Bidang/Kelayakan Khusus	:	Memenuhi syarat lantikan Gred DS51 dan; i. Mempunyai reputasi yang baik dalam penyelidikan dan penerbitan; ii. Membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya; iii. Mempunyai rekod dalam penerbitan yang berimpak tinggi; dan iv. Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang- bidang berkenaan.
Jadual Gaji	:	(Min) RM7,676.00 – (Maks) RM20,592.00

CARA MEMOHON

- Pemohon perlu mengemukakan CV dan salinan sijil-sijil akademik kepada Pejabat Pentadbiran Fakulti melalui [emel: fsskperjawatan@ums.edu.my](mailto:fsskperjawatan@ums.edu.my)
- Calon yang tidak dihubungi dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.
- Tarikh tutup permohonan pada 29 MAC 2024

MAKLUMAT LANJUT

- Sebarang pertanyaan boleh berhubung dengan pihak Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK);
- Puan Norhanyatie Norhaizat, Ketua Pentadbiran
[email : nurhanie@ums.edu.my](mailto:nurhanie@ums.edu.my)
 - Puan Yusrinah Abd Menit, Pembantu Tadbir Kanan
[email : yusrina@ums.edu.my](mailto:yusrina@ums.edu.my)